

# Dr. M: Alat pengajaran moden dilengkap

**KUALA LUMPUR, 11 Jun 1975** — Kementerian Pelajaran telah melengkapkan pusat-pusat perkhidmatan sebaran pendidikan di seluruh negara dengan alat-alat pengajaran yang moden untuk diedar bagi digunakan di sekolah-sekolah.

Menteri berkenaan, Dr. Mahathir Mohamed berkata, alat-alat pengajaran moden digunakan dengan meluas di kebanyakan negara seperti Jepun dan didapati sangat berkesan dalam menyediakan pelajaran yang lebih berkualiti.

Menurutnya, pelajaran yang berkualiti bukan sahaja produktif tetapi dapat menjimatkan kos pelajaran.

Bellau menyatakan demikian ketika menerima 60 projektor dan 480 slaid berwarna sumbangan Yayasan Jepun yang disampaikan oleh Kuasasaha Jepun di sini, Enck Yoshifumi Ito dalam satu upacara ringkas di kementerian pagi ini.

Dr. Mahathir berharap Yayasan Jepun dapat menyediakan peluang bagi guru-guru tempatan untuk meluaskan pengetahuan tentang penggunaan alat-alat pengajaran moden di Jepun.

Terdahulu dari itu Dr. Mahathir telah menyampaikan biasiswa Syarikat Penerbangan Jepun (JAL) kepada enam penuntut universiti tempatan bagi mengikuti kursus musim panas selama sebulan di Jepun.

**Mustahak**

Enam orang pelajar tersebut, Mohd. Hilmi Haji Ismail (Universiti Kebangsaan), Rosmi Hayati Mohamed Khairuddin (Universiti Teknologi), Noorazimah Taharin (Universiti Pertanian), Rashidah Shuib dan Ng Mee Ching (Universiti Sains) dan Mohamed Salleh (Universiti Malaya).

Cik Rashidah Shuib, pelajar tahun ketiga sebaran am di Universiti Sains memberitahu, mereka terpilih sebagai peserta terbaik dalam peraduan karangan JAL mengenai "Bagaimana Negara-negara Asia Dapat Mencapai Keharmonian Awal Abad 21."

Selama di sana mereka akan belajar di Universiti Sophia di Tokyo dan di samping itu akan juga berpeluang melawat tempat-tempat pelancungan dan perusahaan.

Cik Rashidah berharap dapat mempelajari khususnya tentang sikap dan disiplin orang-orang Jepun.